

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU  
[TUARAN]**

**TARIKH : 20.05.2015 (Rabu)**

**NO. SOALAN : 81**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah kekangan kepada usaha RISDA membantu para pekebun dalam penanaman semula pokok getah di Sabah. Apakah pula perincian terkini industri getah di Sabah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui RISDA sememangnya berhasrat untuk turut serta membantu pekebun kecil menanam semula getah bagi melestarikan industri penanaman getah khususnya di negeri Sabah.

Namun demikian, dalam usaha pihak RISDA memajukan sektor pekebun kecil getah di Sabah, terdapat beberapa kekangan yang harus ditempuhi oleh RISDA di negeri Sabah iaitu :

- i. 10% tanah yang dipohon untuk menyertai tanam semula getah masih di peringkat permohonan tanah dan tidak layak diberi bantuan;
- ii. Kawasan muka bumi yang curam menyebabkan kos pembangunan yang tinggi bagi kerja-kerja membuat teres dan menghantar anak benih getah dan baja

serta input-input pertanian lain ke tapak tanaman;

- iii. Tiada rezab jalan bagi memasuki kawasan untuk pembangunan. Laluan sedia ada adalah melalui tanah-tanah persendirian yang dikenakan dikenakan tol untuk laluan jentera dan peralatan pembangunan; dan
- iv. Peruntukan prasarana asas jalan pertanian adalah terhad. Pada masa ini, keutamaan hanya diberi kepada pembinaan jalan masuk ke kawasan projek sahaja dan bergantung kepada bajet yang diluluskan.

Selain dari itu, Kementerian melalui RISDA juga melaksanakan program-program pembangunan khusus kepada komuniti pekebun kecil di negeri Sabah. Program-program yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Program Tanam Semula Getah ke Getah;
- ii. Program Tanam Semula Getah dan Sawit;
- iii. Program Tanam Baru Komoditi Getah;
- iv. Prasarana Asas Pertanian;
- v. Aktiviti Ekonomi Tambahan;
- vi. Program Pembangunan Keusahawanan;
- vii. Program Khidmat Pengembangan;
- viii. Program Latihan GAP;
- ix. Program Pembangunan Institusi Pekebun Kecil;
- x. Program Tuisyen Desa;
- xi. Program Peningkatan Produktiviti Getah; dan
- xii. Skim Insentif Produktiviti Getah.